

**PEMAKLUMAN BERKENAAN PENGENDALIAN URUSAN KHIDMAT
WAJIB OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BERKUATKUASA
1 APRIL 2022**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Perubatan Malaysia (MPM) melalui Mesyuarat MPM kali ke-411 bertarikh 26 Oktober 2021 telah memutuskan untuk menyerahkan semua urusan khidmat wajib kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Segala urusan berkaitan khidmat wajib akan dikendalikan sepenuhnya oleh pihak KKM **berkuatkuasa 1 April 2022**.

Khidmat wajib merupakan urusan perkhidmatan seseorang pengamal perubatan di sektor awam. Selaras dengan Seksyen 40(1) Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012), setelah seseorang itu didaftarkan penuh, suatu notis bertulis akan dikeluarkan oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah Kesihatan yang mengkehendaki seseorang itu memegang jawatan perubatan dalam mana-mana perkhidmatan awam mengikut tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut.

Skop urusan khidmat wajib yang akan dilaksanakan oleh KKM adalah seperti berikut:

- 1) **Notis Khidmat Wajib** di bawah Seksyen 40 Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) – Bidang Kuasa Ketua Pengarah Kesihatan
- 2) **Permohonan Kelonggaran Khidmat Wajib** di bawah Seksyen 41 dan 42 Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) – Bidang kuasa YB Menteri Kesihatan

Sehubungan itu, dipohon kerjasama mana-mana pengamal yang ingin melakukan sebarang urusan berkaitan khidmat wajib bermula **1 April 2022** menghubungi pihak KKM secara terus melalui alamat di bawah:

**Cawangan Pembangunan Profesion Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 7, Blok E1, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya**

(U/P : Puan Nor Rulhuda binti Kamarudin (Emel/No. Telefon :
nor.rulhuda@moh.gov.my/03-8883 1100)

Sekian, terima kasih.

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA**

31 Mac 2022